



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

2025
JULAI

TENAGA BURUH

LAPORAN
STATISTIK

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA JULAI 2025

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
	: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 10 September 2025

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISSN 2735 - 1823

KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) melalui pendekatan isi rumah. Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh merupakan input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu yang terlibat dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan Tenaga Buruh bagi Julai 2025 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berdasarkan situasi semasa. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

September 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan	i	
Glosari	iii	
Akronim	v	
Infografik	vi	
Nota Penerangan	viii	
Sorotan Utama	1	
1. Pengenalan	2	
2. Penduduk Bekerja	3	
3. Pengangguran	5	
4. Tenaga Buruh	6	
5. Luar Tenaga Buruh	8	
6. Menuju ke Hadapan	8	
Senarai Jadual		
Jadual A	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2024	A-1
Jadual B	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Kedua 2025	A-2
Jadual B1	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2025	A-4
Jadual B2	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2025	A-5
Jadual B3	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Kedua 2025	A-6
Jadual C	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2024	A-7
Jadual C(i)	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari - Julai ^r , Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025	A-11
Jadual C1	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan bermusim, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2024	A-12
Jadual C1(i)	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan bermusim, Malaysia, Januari - Julai ^r , Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025	A-16
Jadual C2	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - Disember 2024	A-17

ISI KANDUNGAN

Jadual C2(i)	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari - Julai ^r , Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025	A-19
Jadual C3	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - Disember 2024	A-20
Jadual C3(i)	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari - Julai ^r , Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025	A-22
Jadual C4	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - Disember 2024	A-23
Jadual C4(i)	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari - Julai ^r , Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025	A-25
Jadual D	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2024	A-26
Jadual E	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2024	A-27
Jadual F	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2024	A-29
Jadual G	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Julai 2024 - Julai 2025	A-30

GLOSARI

Aktiviti ekonomi	: Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Bekerja	: Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
Bekerja sendiri	: Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh dalam bentuk peratusan.
Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:

Pekerja mahir:

1. Pengurus;
2. Profesional; dan
3. Juruteknik dan profesional bersekutu.

Pekerja separuh mahir:

4. Pekerja sokongan perkeranian;
5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan;
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
8. Operator loji dan mesin, dan pemasang.

Pekerja berkemahiran rendah:

9. Pekerja asas.

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan Tentera.

GLOSARI

Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Majikan	: Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, aktiviti ladang atau perusahaan lain dan menggaji sekurang-kurangnya seorang pekerja dalam perniagaan atau perusahaannya.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
Pekerja	: Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
Pekerja keluarga tanpa gaji	: Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
Penganggur	: Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Penganggur aktif	: Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
Penganggur tidak aktif	: Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkecayaan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
Tenaga buruh	: Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

AKRONIM

RMK-13	: Rancangan Malaysia Ketiga Belas
ACSS15	: Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15
ASEAN	: Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
BCKK	: Pusat Konvensyen Borneo Kuching
DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
ECRL	: Laluan Rel Pantai Timur
E&E	: Elektrik & Elektronik
F&B	: Makanan dan Minuman
ILO	: <i>International Labour Organization</i>
IP	: Indeks Pelopor
KIGIP	: Taman Industri Hijau Bersepadu Kerian
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPT	: Kementerian Pengajian Tinggi
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
LRT3	: Transit Aliran Ringan 3
MASCO	: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
NSS	: Strategi Semikonduktor Kebangsaan
ODIN	: <i>Open Data Inventory</i>
ODW	: <i>Open Data Watch</i>
OECD	: Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
r	: Pelarasan semula
RTS	: Sistem Transit Laju
STB	: Survei Tenaga Buruh
TVET	: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

TENAGA BURUH MALAYSIA, JULAI 2025

Kadar pengangguran pada Julai 2025 kekal **3.0 peratus**, mencatatkan 521.6 ribu penganggur

PENGANGGURAN

JULAI 2025

Bilangan penganggur

521.6 ribu

Kadar pengangguran


3.0%

Kadar pengangguran Julai kekal 3.0 peratus pada Jun 2025

JULAI 2024 553.2 ribu
JUN 2025 518.7 ribu

JULAI 2024 3.3%
JUN 2025 3.0%

Pengangguran mengikut kategori



PENDUDUK BEKERJA

JULAI 2025

Bilangan penduduk bekerja

16.95 juta


Nisbah guna tenaga kepada penduduk

68.7%

JULAI 2024 16.44 juta
JUN 2025 16.92 juta

JULAI 2024 68.3%
JUN 2025 68.7%

Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



75.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja adalah dalam kategori pekerja

TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

17.47 juta

JULAI 2025

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

70.8%

JULAI 2024 17.00 juta
JUN 2025 17.43 juta

JULAI 2024 70.6%
JUN 2025 70.8%

70.8%


Kadar penyertaan tenaga buruh tidak berubah iaitu pada 70.8 peratus pada Julai 2025, sama seperti pada bulan Jun

KPTB mengikut jantina

Lelaki 83.3%

Wanita 56.5%

LUAR TENAGA BURUH



Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komponen terbesar luar tenaga buruh

Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga 43.7%

Bersekolah/ latihan 40.8%

Nota :

- Peratus perubahan (tahun ke tahun)
- Peratus perubahan (bulan ke bulan)
- Mata peratus
- Tidak berubah
- Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020



@StatsMalaysia



KONSEP DAN DEFINISI

Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh International Labour Organization (ILO).

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi begaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, turning point dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/ berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyalahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaras kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.



NOTA PENERANGAN

Bermula dengan penerbitan Laporan Statistik Tenaga Buruh (STB), Januari 2025, statistik utama tenaga buruh dianggarkan berdasarkan anggaran penduduk semasa Malaysia.

Semakan semula siri data STB dilaksanakan apabila data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang terkini telah tersedia. Data banci ini kemudiannya digunakan untuk pelarasan semula siri data STB bagi meliputi maklumat tambahan yang tersedia daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia terkini. Proses penggabungan penanda arasan populasi yang disemak semula ini dirujuk sebagai '*rebasing*'. Pada masa yang sama, pelarasan semula dilaksanakan kepada data STB bagi bulan Januari hingga Disember 2024 secara berperingkat bermula dengan data bulan Januari hingga Julai dan Oktober hingga Disember.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SOROTAN UTAMA

- Pada Julai 2025, bilangan **penduduk bekerja** berada dalam trend peningkatan, dengan pertambahan sebanyak **0.2 peratus (+33.6 ribu orang)** kepada **16.95 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (Jun 2025: 16.92 juta orang). **Nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada **68.7 peratus** pada bulan tersebut, konsisten dengan paras yang direkodkan pada Jun 2025.
- Dari segi sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mengekalkan momentum yang menggalakkan pada bulan tersebut, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Penginapan dan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan, Pembinaan, Pertanian serta Perlombongan & pengkuarian turut merekodkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga.
- Kategori **pekerja** terus mewakili peratus sumbangan terbesar dalam guna tenaga, merangkumi **75.0 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja. Kategori ini merekodkan peningkatan sebanyak **0.1 peratus (+18.3 ribu orang)** kepada **12.71 juta orang** pada Julai 2025 (Jun 2025: 12.69 juta orang). Begitu juga, bilangan **penduduk bekerja sendiri** menunjukkan pertambahan sebanyak **0.4 peratus (+11.8 ribu orang)**, dengan jumlah seramai **3.21 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (Jun 2025: 3.20 juta orang).
- Bilangan **penganggur** pada bulan tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak **0.6 peratus (+2.9 ribu orang)** kepada **521.6 ribu orang** (Jun 2025: 518.7 ribu orang). **Kadar pengangguran** pada Julai 2025 kekal **3.0 peratus**, sama seperti bulan sebelumnya.
- Pada Julai 2025, **tenaga buruh** terus berada dalam trajektori peningkatan, bertambah sebanyak **0.2 peratus (+36.5 ribu orang)** bulan ke bulan mencecah kepada seramai **17.47 juta orang**, berbanding 17.43 juta orang pada bulan sebelumnya. **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** bagi Julai 2025 kekal pada **70.8 peratus**, sama seperti Jun.
- Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada bulan tersebut merekodkan peningkatan sebanyak **0.2 peratus (+12.8 ribu orang)** kepada **7.19 juta orang** berbanding 7.18 juta orang pada Jun 2025. **Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** merupakan komponen terbesar luar tenaga buruh, dengan sumbangan sebanyak **43.7 peratus**, diikuti oleh kategori **bersekolah/ latihan** pada **40.8 peratus**.
- Pasaran buruh Malaysia dijangka kekal stabil, inklusif, dan berdaya tahan, dengan prospek positif bagi bulan-bulan yang akan datang. Walaupun terdapat cabaran luaran, asas ekonomi domestik yang kukuh, pelaburan strategik, dan dasar kerajaan yang proaktif diramal akan terus menyokong pertumbuhan guna tenaga. Fokus kepada peningkatan kemahiran, inovasi, dan ekonomi hijau akan menjadi pemacu utama dalam memastikan pasaran buruh Malaysia kekal kompetitif di peringkat global.

1 PENGENALAN

PASARAN BURUH MALAYSIA KEKAL STABIL DAN MENGGALAKKAN PADA JULAI 2025, DIPACU OLEH PERTUMBUHAN EKONOMI DAN DASAR STRATEGIK

Ekonomi Malaysia terus menunjukkan daya tahan dan dinamik, disokong oleh pertumbuhan yang kukuh merentasi sektor-sektor utama dan pelaburan strategik yang memacu pembangunan negara. Malaysia merekodkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.4 peratus pada suku kedua 2025, walaupun berdepan dengan ketidaktentuan global dan tekanan geopolitik. Prestasi ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, perkembangan memberangsangkan dalam sektor utama, khususnya sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, serta projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) dan pelaburan infrastruktur yang mengukuhkan asas ekonomi¹.

Selain itu, Selangor dan Johor muncul sebagai penggerak ekonomi utama, dengan Selangor sahaja menyumbang RM432.1 bilion kepada KDNK negara, atau 26.2 peratus daripada jumlah keseluruhan, dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang rancak². Melengkapi lonjakan industri ini, pemulihan strategik dalam sektor Pertanian, terutamanya di Perlis, yang merekodkan jualan pertanian sebanyak RM584.82 juta pada 2023³. Dengan hampir 65 peratus daripada tanahnya dikhususkan untuk pertanian, Perlis menunjukkan potensi pertanian mampan dalam memberikan sumbangan yang signifikan kepada keselamatan makanan dan kepelbagaian ekonomi.

Tambahan pula, pelaburan baharu dalam industri berteknologi tinggi membentuk semula landskap perindustrian Malaysia, dengan Perak menjadi tumpuan bagi pembangunan semikonduktor dan automotif. Negeri ini mendapat manfaat daripada sebahagian pelaburan nasional bernilai RM63 bilion di bawah Strategi Semikonduktor Nasional (NSS), menarik syarikat global seperti Carsem dan Unisem, serta melancarkan projek-projek mega seperti Taman Industri Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP)⁴. Inisiatif-inisiatif ini dijangka menjana lebih banyak peluang pekerjaan menjelang 2030, disokong oleh program-program pembangunan tenaga kerja yang disesuaikan dengan keperluan industri. Melengkapkan momentum industri ini adalah cadangan dasar yang bertujuan untuk meningkatkan keterangkuman pasaran buruh, termasuk insentif cukai untuk menggalakkan penglibatan wanita dalam tenaga kerja⁵. Usaha-usaha ini selari dengan wawasan kerajaan yang lebih luas untuk membina ekonomi yang adil dan berdaya tahan untuk semua rakyat Malaysia⁶.

Dalam usaha yang berterusan untuk pembangunan tenaga kerja, Malaysia telah menganjurkan Karnival Kerjaya *MyFutureJobs* S-Cat 2025 pada 5 dan 6 Julai 2025 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK), Sarawak. Karnival ini menyediakan lebih daripada 1,500 peluang pekerjaan daripada lebih 30 majikan dari pelbagai industri, termasuk perkhidmatan, logistik, dan pembuatan⁷. Dianjurkan sebagai inisiatif percuma dan inklusif, karnival ini juga menawarkan sesi temu duga secara langsung, bimbingan kerjaya, panduan penyediaan resume, dan bantuan pendaftaran untuk portal *MYFutureJobs*. Usaha-usaha ini bukan sahaja memudahkan hubungan pekerjaan yang efektif, namun turut mengukuhkan strategi kerajaan untuk meningkatkan aksesibiliti pasaran buruh dan penyertaan ekonomi serantau, khususnya di Malaysia Timur.

Di samping itu, kedudukan pasaran buruh negara pada Julai terus berkembang seiring dengan pembangunan ekonomi semasa. Kadar pengangguran yang kekal rendah mencerminkan peningkatan

¹ <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/pertumbuhan-kukuh-kdnk-suku-kedua-2025-petunjuk-daya-tahan-domestik-momentum-separuh-kedua-berterusan-534369>

² <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/07/1236175/selangor-sumbang-rm4321b>

³ <https://harakahdaily.net/2025/07/pertanian-perlis-catat-nilai-jualan-rm584-82-juta/>

⁴ <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2449542>

⁵ <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/07/1235786/mppm-cadang-insentif-percukaian-galak-pembabitan-tenaga-kerja-wanita>

⁶ <https://malaysiagazette.com/2025/07/03/1-julai-bukan-hari-hitam-negara-tapi-tanda-keberanian-kerajaan-bangun-ekonomi-adil-mahfuz/>

⁷ <https://utusanarawak.com.my/lebih-1500-peluang-kerjaya-menanti-di-karnival-kerjaya-myfuturejobs-bcck/>

dalam aktiviti pengambilan pekerja, terutamanya dalam sektor Perkhidmatan, Pembinaan, dan Pembuatan. Bilangan guna tenaga juga meningkat, disokong oleh permintaan yang tinggi dalam sektor pelancongan, logistik, dan teknologi. Dasar kerja fleksibel dan digitalisasi telah mewujudkan peluang yang lebih besar untuk penyertaan wanita dan golongan muda dalam pasaran buruh. Tambahan pula, program latihan semula dan peningkatan kemahiran yang dilaksanakan oleh kerajaan telah menyumbang kepada penyertaan tenaga buruh.

Pelaburan yang tinggi dalam sektor semikonduktor, tenaga boleh baharu, dan ekonomi digital telah menjana ribuan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Projek-projek di bawah RMK-13 dan NSS juga mula membuahkan hasil positif dari segi pewujudan peluang pekerjaan⁸. Julai 2025 turut merekodkan peningkatan dalam pekerjaan sementara sempena musim perayaan dan cuti sekolah, terutamanya dalam sektor peruncitan, makanan dan minuman (F&B), serta pelancongan. Justeru, pasaran buruh Malaysia terus mencerminkan landskap yang stabil dan menggalakkan, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang konsisten dan pelaksanaan dasar strategik oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, cabaran seperti automasi, ketidakseimbangan pendapatan, dan keperluan yang meningkat untuk kemahiran baharu perlu ditangani bagi memastikan pengagihan manfaat ekonomi yang inklusif.

Melihat kepada indikator ekonomi Malaysia, Indeks Pelopor (IP) mencatatkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 0.2 peratus tahun ke tahun kepada 113.4 mata pada Jun 2025 (Jun 2024: 113.6 mata). IP bulanan juga mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding bulan sebelumnya. Bagi arah aliran jangka panjang yang terlicin pada Jun 2025, IP kekal di bawah 100.0 mata, menjangkakan momentum ekonomi yang menyederhana. Prospek ini disokong oleh asas domestik yang kukuh namun dipengaruhi oleh cabaran luaran. Sementara itu, indikator perdagangan luaran bagi Julai 2025, kedua-dua eksport dan import, kembali mencatatkan pertumbuhan dua digit, masing-masing sebanyak 15.5 peratus (Jun 2025: -4.0%) dan 10.9 peratus (Jun 2025: -10.9%).

2 PENDUDUK BEKERJA

Bilangan penduduk bekerja pada Julai 2025 berada dalam trend peningkatan


Pada Julai 2025, bilangan **penduduk bekerja** berada dalam trend peningkatan, dengan pertambahan sebanyak **0.2 peratus (+33.6 ribu orang)** kepada **16.95 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (Jun 2025: 16.92 juta orang). Data pelarasan bermusim turut menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus dalam bilangan penduduk bekerja. Berbanding setahun yang lalu, bilangan penduduk bekerja naik sebanyak 3.1 peratus, bersamaan dengan 504.7 ribu orang, daripada 16.44 juta orang yang direkodkan pada Julai⁹ 2024.

Dari segi sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mengekalkan momentum yang menggalakkan pada bulan tersebut terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Penginapan dan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan, Pembinaan, Pertanian serta Perlombongan & pengkuarian turut merekodkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga.

Nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada **68.7 peratus** bagi bulan tersebut, konsisten dengan paras yang direkodkan pada Jun 2025. Berbanding Julai⁹ 2024, nisbah ini meningkat sebanyak 0.4 mata peratus daripada 68.3 peratus [Carta 1].

⁸ <https://www.kosmo.com.my/2025/09/03/dewan-negara-kerajaan-sasar-wujudkan-100-syarikat-berkaitan-semikonduktor/>


Carta 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari - Julai^r, Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Kategori **pekerja** terus mewakili sumbangan terbesar dalam guna tenaga, merangkumi **75.0 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja. Kategori ini merekodkan peningkatan sebanyak **0.1 peratus (+18.3 ribu orang)** kepada **12.71 juta orang** pada Julai 2025 (Jun 2025: 12.69 juta orang). Begitu juga, bilangan **penduduk bekerja sendiri** menunjukkan pertambahan sebanyak **0.4 peratus (+11.8 ribu orang)**, dengan jumlah seramai **3.21 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (Jun 2025: 3.20 juta orang). Kategori ini terutamanya adalah terdiri daripada penerima gaji harian yang mengendalikan perniagaan kecil, termasuk peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai serta pekebun kecil [Carta 2].

Carta 2: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Jun dan Julai 2025



Bilangan **penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara** pada Julai 2025 menurun sebanyak **0.6 peratus (-0.5 ribu orang)** kepada **89.6 ribu orang**, berkurang daripada 90.1 ribu orang pada Jun 2025. Tahun ke tahun, bilangan ini naik sebanyak 16.3 peratus (+12.6 ribu orang) berbanding 77.0 ribu orang yang dicatatkan pada Julai^r 2024. Kategori ini terdiri daripada individu yang tidak dapat bekerja buat sementara namun tidak diklasifikasikan sebagai penganggur, kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.


3 PENGANGGURAN

Kadar pengangguran Julai kekal pada 3.0 peratus

Bilangan **penganggur** pada bulan tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak **0.6 peratus (+2.9 ribu orang)** kepada **521.6 ribu orang** (Jun 2025: 518.7 ribu orang). **Kadar pengangguran** pada Julai 2025 kekal **3.0 peratus**, sama seperti bulan sebelumnya. Berdasarkan anggaran pelarasan bermusim, bilangan penganggur meningkat sebanyak 0.8 peratus, dengan kadar pengangguran 3.0 peratus.

Sementara itu, bilangan penganggur terus menurun sebanyak 5.7 peratus (-31.6 ribu orang) tahun ke tahun (Julai^r 2024: 553.2 ribu orang). Oleh itu, kadar pengangguran berkurang sebanyak 0.3 mata peratus berbanding 3.3 peratus pada Julai^r 2024 [Carta 3].

Carta 3: Pengangguran, Januari - Julai^r, Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025




Nota: ^r Pelarasan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Mengikut kategori pengangguran, **79.8 peratus** daripada jumlah penganggur adalah **penganggur aktif**, atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan sedang aktif mencari pekerjaan. Kumpulan ini mencatatkan peningkatan sebanyak **0.4 peratus (+1.7 ribu orang)** kepada **416.2 ribu orang** (Jun 2025: 414.4 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan** merangkumi **64.3 peratus**, manakala **5.1 peratus** adalah mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang melebihi setahun**⁹.

Sementara itu, mereka yang percaya tiada pekerjaan yang tersedia, atau **penganggur tidak aktif**, meningkat sebanyak **1.1 peratus**, atau bersamaan dengan **1.2 ribu orang**, merekodkan **105.5 ribu orang** berbanding 104.3 ribu orang pada Jun 2025 [Carta 4].


⁹ Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: Long-term unemployment)
https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dqreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur bagi penganggur aktif, Jun dan Julai 2025



Seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 5**, kadar pengangguran belia berumur **15 hingga 24 tahun** kekal **10.2 peratus** pada Julai 2025, mencatatkan seramai **298.9 ribu penganggur belia** (Jun 2025: 10.2%; 297.5 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran di kalangan belia berumur **15 hingga 30 tahun** juga kekal pada **6.2 peratus**, dengan bilangan penganggur belia seramai **399.0 ribu orang** (Jun 2025: 6.2%; 396.8 ribu orang).

Carta 5: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, Januari - Julai^r, Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025



Nota: ^r Pelarasan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020


4 TENAGA BURUH

KPTB bagi bulan Julai kekal pada 70.8 peratus

Pada Julai 2025, **tenaga buruh** terus berada dalam trajektori peningkatan, bertambah sebanyak **0.2 peratus (+36.5 ribu orang)** bulan ke bulan mencecah kepada seramai **17.47 juta orang**, berbanding 17.43 juta orang pada bulan sebelumnya. **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** bagi Julai 2025 kekal pada **70.8 peratus**, sama seperti Jun. Data pelarasan bermusim turut menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus dalam tenaga buruh, dengan KPTB meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.9 peratus.

Secara tahunan, tenaga buruh naik sebanyak 2.8 peratus, bertambah sebanyak 473.2 ribu orang berbanding 17.00 juta orang pada Julai 2024. Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.2 mata peratus daripada 70.6 peratus pada Julai 2024 [Carta 6].

Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, Januari - Julai, Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025




Nota: † Pelarasan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Pada bulan tersebut, tenaga buruh bagi kedua-dua lelaki dan perempuan terus bertambah. Bilangan **tenaga buruh lelaki** meningkat kepada **11.01 juta orang** (Jun 2025: 10.98 juta orang). Begitu juga, **tenaga buruh perempuan** naik kepada **6.46 juta orang**, berbanding 6.45 juta orang sebelumnya. **KPTB lelaki** kekal tidak berubah iaitu pada **83.3 peratus**, seperti pada Jun 2025. Sementara itu, **KPTB perempuan** meningkat sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **56.5 peratus** (Jun 2025: 56.4 peratus).

Tahun ke tahun, tenaga buruh lelaki bertambah sebanyak 2.8 peratus daripada 10.70 juta orang pada Julai 2024. Begitu juga, tenaga buruh perempuan merekodkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus, naik daripada 6.29 juta orang yang direkodkan pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Oleh itu, berbanding Julai 2024, KPTB bagi lelaki meningkat sebanyak 0.4 mata peratus daripada 82.9 peratus, manakala KPTB perempuan naik sebanyak 0.2 mata peratus daripada 56.3 peratus [Carta 7].

Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, Januari - Julai, Oktober - Disember 2024, dan Januari - Julai 2025




Nota: † Pelarasan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

5 LUAR TENAGA BURUH

Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komponen terbesar luar tenaga buruh

Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada bulan tersebut merekodkan peningkatan sebanyak **0.2 peratus (+12.8 ribu orang)** kepada **7.19 juta orang** berbanding 7.18 juta orang pada Jun 2025. Tahun ke tahun, bilangan ini bertambah sebanyak 1.4 peratus (+96.5 ribu orang) daripada 7.09 juta orang pada Julai¹ tahun lalu. **Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** merupakan komponen terbesar luar tenaga buruh dengan sumbangan sebanyak **43.7 peratus**, diikuti oleh kategori **bersekolah/ latihan** pada **40.8 peratus [Carta 8]**.

Carta 8: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Jun dan Julai 2025



Nota: ¹ Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

6 MENUJU KE HADAPAN

Ekonomi Malaysia pada bulan semasa tahun 2025 dilihat berada dalam kedudukan yang stabil, berdaya tahan, dan berpotensi berkembang sederhana hingga kukuh. Ini adalah disokong oleh penggunaan swasta, pelaburan strategik, dan projek infrastruktur utama seperti seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Laluan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3), dan RTS Link antara Johor Bahru dan Singapura¹⁰. Walaupun cabaran global kekal, asas domestik yang kukuh, pelaburan strategik, dan kestabilan politik memberi keyakinan bahawa Malaysia mampu mengekalkan momentum pertumbuhan ke tahun-tahun akan datang.

Di samping itu, peluang pekerjaan terus bertambah, terutama dalam sektor digital dan teknologi hijau serta perkhidmatan berorientasikan domestik seperti perdagangan, pengangkutan, perhotelan. Ini mendorong pasaran buruh negara untuk kekal berkembang dengan kadar pengangguran yang rendah. Selaras dengan itu, pasaran buruh Malaysia kekal berada pada landasan yang stabil dan berdaya tahan, walaupun berdepan ketidakpastian ekonomi global.

Kadar penyertaan tenaga buruh yang terus kukuh mencerminkan keyakinan orang ramai terhadap peluang pekerjaan yang tersedia. Pertumbuhan guna tenaga juga terus meningkat, antaranya disokong oleh sektor Perkhidmatan terutamanya aktiviti pelancongan, perdagangan borong & runcit, pengangkutan, dan logistik. Selain itu, sektor Pembuatan khususnya subsektor elektrik & elektronik (E&E), F&B, serta produk berasaskan sumber, terus menyumbang secara positif. Sementara sektor

¹⁰ <https://www.mof.gov.my/portal/images/2025/08/07/Kenyataan-Prabelanjawan-2026.pdf>

Pembinaan juga menunjukkan peningkatan yang dipacu oleh projek infrastruktur awam dan pembangunan hartanah.

Justeru, berdasarkan indikator ekonomi dan pelaburan semasa, pasaran buruh dijangka akan dapat mengekalkan momentum positif sehingga akhir tahun 2025, didorong oleh peningkatan dalam peluang pekerjaan seperti permintaan tinggi untuk kemahiran dalam kecerdasan buatan, analitik data, keselamatan siber, dan pembangunan perisian. Seterusnya, peluang pekerjaan dalam tenaga solar, pengurusan sisa, dan teknologi karbon rendah dan perkhidmatan berorientasikan domestik termasuk kesihatan, pendidikan, dan logistik e-dagang, juga dijangka akan berkembang.

Bagi memastikan pasaran buruh kekal berdaya saing dan inklusif, beberapa langkah strategik perlu diberi tumpuan. Ini merangkumi memperkukuh latihan teknikal dan vokasional (TVET) selaras dengan keperluan industri berteknologi tinggi; menggalakkan penyertaan tenaga kerja wanita dan belia melalui insentif majikan, fleksibiliti kerja, dan sokongan penjagaan anak serta memperluas ekonomi gig yang berstruktur dengan perlindungan sosial dan latihan kemahiran digital. Di samping itu, usaha perlu dilaksanakan untuk memacu pelaburan dalam sektor bernilai tambah tinggi bagi mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Oleh itu, pasaran buruh Malaysia dijangka kekal stabil, inklusif, dan berdaya tahan, dengan prospek positif bagi bulan-bulan yang akan datang. Walaupun terdapat cabaran luaran, asas ekonomi domestik yang kukuh, pelaburan strategik, dan dasar kerajaan yang proaktif diramal akan terus menyokong pertumbuhan guna tenaga. Fokus kepada peningkatan kemahiran, inovasi, dan ekonomi hijau akan menjadi pemacu utama dalam memastikan pasaran buruh Malaysia kekal kompetitif di peringkat global.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

JADUAL

TENAGA BURUH, MALAYSIA
JULAI 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2024

	('000)				(%)		
Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7	3.4
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2	3.8
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0	5.0
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0	5.6
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2	7.4
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7	7.3
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0	7.2
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4	5.7
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6	4.5
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5	3.7
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8	4.1
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7	3.1
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6	2.5
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0	2.4
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2	3.2
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0	3.4
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4	3.0
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6	3.5
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1	3.5
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9	3.6
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1	3.5
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0	3.5
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0	3.3
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2	3.2
